



JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

"*Kerajaan Johor hari ini mengumumkan 15 insentif baharu dengan peruntukan RM17.5 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ehsan Johor.*" - **Sinar Harian 25 Mac 2020**

Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Johor, 2017 Dan 2018

	2017	2018
Jumlah ('000) Total	13,140.6	13,487.2
Pelawat harian Excursionist	5,595.4	5,704.8
Pelancong Taurist	7,545.2	7,782.4

Sumber: MyLocal Stats Johor, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Johor menerima 13.5 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 5.8 juta (43.0%) merupakan pelawat harian dan 7.7 juta (57.0%) adalah pelancong.

Bilangan Penumpang Yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang Di Johor, 2016-2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	2,396,717	2,676,455	2,864,535
Antarabangsa	431,357	448,344	657,984
Jumlah	2,828,074	3,124,799	3,522,519

Sumber: MyLocal Stats Johor, 2018

Tahun 2018 menunjukkan bilangan penumpang yang dikendalikan di lapangan terbang di Johor telah meningkat kepada 3.5 juta berbanding 3.1 juta pada tahun 2017.


BULETIN KHAS NEGERI



Tenaga Buruh, Johor, 2017-2018

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2017	1,674	1,617	57	67.0	3.4
2018	1,745	1,693	52	68.9	3.0


Pada tahun 2018, **penduduk bekerja** di Johor adalah 1.6 juta orang. **Kadar penyertaan tenaga buruh** adalah 68.9%. **Kadar pengangguran** pada tahun 2018 menurun 3.0% berbanding 3.4% pada tahun 2017.



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2018

Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2018, Johor

Industri pembuatan mencatat bilangan penduduk bekerja paling ramai iaitu 400.3 ribu (23.6%) pekerja diikuti dengan industri perdagangan borong, dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, 286.3 ribu (16.9%) pekerja. Industri berkaitan penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman dan pertanian, perhutanan dan perikanan masing-masing mencatatkan 192.4 ribu pekerja dan 129.2 ribu pekerja pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan 59.3% pekerja di Johor.



Sumber: Population Quick Info

Unjuran Penduduk Negeri Johor, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Johor boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih). Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Johor dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 69.5% daripada jumlah keseluruhan penduduk, diikuti kumpulan umur muda 23.0% dan kumpulan umur tua 7.4%.



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A



Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Johor, 2014 & 2016

	MALAYSIA		JOHOR	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>	4585	5228	5197	5651.5
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.6	"	4.2
<i>Compounded annual growth rate</i>				
Purata (RM)				
<i>Mean</i>	6141	6958	6207	6928
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.2	"	5.5
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS,2016

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Johor, 2014 & 2016

	Malaysia		Johor	
	2014	2016	2014	2016
Pekali Gini				
<i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	5197	5651.5
Insiden Kemiskinan				
<i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.0	0.0

Sumber: HIS,2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Johor, 2016

	Malaysia		Johor	
Penengah (RM)				
<i>Median</i>				
Terendah 40%		3,000		3,420
<i>Bottom 40%</i>				
Pertengahan 40%		6,275		6,554
<i>Middle 40%</i>				
Tertinggi 20%		13,148		12,304
<i>Top 20%</i>				
Purata (RM)				
<i>Mean</i>				
Terendah 40%		2,848		3,222
<i>Bottom 40%</i>				
Pertengahan 40%		6,502		6,739
<i>Middle 40%</i>				
Tertinggi 20%		16,088		14,719
<i>Top 20%</i>				

Sumber: HIS,2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Johor, 2014 & 2016

	Malaysia		Johor	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>	2,946	3,314	3,276	3,626
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	5.9	"	5.1
<i>Compounded annual growth rate</i>				
Purata (RM)				
<i>Mean</i>	3,578	4,033	3,808	4,148
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.0	"	4.3
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS,2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100) Mengikut Kumpulan Utama, Johor, 2019

Kumpulan Utama	2019		2020
	Feb	Jan	Feb
Jumlah	124.3	126.2	126.0
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	139.1	140.7	140.9
Minuman Alkohol dan Tembakau	170.8	171.6	171.8
Pakaian dan Kasut	97.0	95.6	95.4
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	122.2	123.6	124.0
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	115.4	116.3	116.4
Kesihatan	127.5	128.8	128.8
Pengangkutan	112.4	116.4	114.4
Komunikasi	96.7	97.9	97.9
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	114.2	116.3	116.3
Pendidikan	125.5	128.0	128.1
Restoran dan Hotel	132.4	134.3	134.5
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	120.5	123.0	123.1

Sumber: IHP, Feb 2020

Perubahan mata Indeks Harga Pengguna (IHP) negeri Johor meningkat 1.4% pada Februari 2020 kepada 126.0 berbanding 124.3 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP negeri Johor bagi Februari 2020 menurun 0.2% kepada 126.0 berbanding Januari 2020.

"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind






JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA




Statistik COVID-19 Negeri Johor


Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Johor




Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Johor




Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




Peratus Sumbangan Kes COVID-19 Negeri Johor Terhadap Malaysia



Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah



Bilangan Kematian Bagi COVID-19, Johor



Nota : Dikemaskini sehingga 20 April 2020
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Johor



Perkhidmatan Klinik

Pendapatan pengusaha klinik **merosot** semasa tempoh PKP **di antara 75% - 90%** dan berkemungkinan terdapat beberapa klinik dijangka akan diberhentikan operasi sekiranya tempoh PKP

dilanjutkan. Bagi mengurangkan kos operasi, terdapat klinik yang mengurangkan pembayaran gaji kepada separuh daripada jumlah gaji biasa sehingga keadaan dan prestasi klinik kembali pulih. Masalah bekalan ubat-ubatan turut berlaku disebabkan isu pembekal dan pengangkutan.

Perkhidmatan Perhotelan

70% daripada penginap hotel adalah dari warga Singapura dan selebihnya dari warga tempatan dan lain-lain. PKP telah menyebabkan *occupancy rate* yang kebiasaannya



penuh, tetapi kini kurang daripada 10%. Diunjurkan **kerugian RM4.8 juta** bagi suku kedua berbanding tahun lepas. Pada masa ini, kakitangan masih kekal, namun perkara ini hanya boleh bertahan sehingga dua bulan.

Perkhidmatan Pengangkutan Bas

Prestasi hasil syarikat dalam subsektor ini **merosot di antara 35% - 55%** pada suku tahun pertama 2020. Jumlah hasil adalah bergantung sepenuhnya kepada bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas. Gaji pekerja berjawatan tetap dibayar seperti biasa manakala pemandu hanya dapat dibayar gaji pokok sahaja kerana tiada sebarang elaun perjalanan diberikan disebabkan PKP.



Perkhidmatan Guaman

Pendapatan hasil syarikat **merosot 80% sehingga 90%** kerana tidak beroperasi. Pendapatan akan menurun 100% kerana ramai yang menanggukkan untuk mendapatkan khidmat guaman. Gaji Pekerja dibayar penuh semasa PKP.

Perkhidmatan Terminal Lapangan Terbang

Prestasi hasil syarikat **dijangka menurun 21%** pada suku pertama tahun 2020 berbanding suku pertama tahun 2019. Jumlah **penumpang pada bulan Mac** (sehingga 21 Mac 2020) menurun 41% berbanding Mac 2019. Hal ini didorong penurunan bilangan penumpang antara bangsa (94%) dan penumpang negara ASEAN (59%). Sepanjang tempoh PKP, purata penerbangan harian yang biasanya 75 penerbangan telah berkurang kepada 14 penerbangan. Pendapatan bagi aktiviti Aero dan Non-Aero (Car park and Rental) juga dijangkakan **merosot 24% dan 12%** masing-masing serta **kejatuhan purata**



jualan 52% bagi perniagaan Duty Free.

Perkhidmatan Pengangkutan Teksi

Pengusaha teksi menjangkakan prestasi hasil syarikat **menurun 50%** untuk suku pertama tahun 2020 berbanding suku tahun sebelumnya disebabkan oleh PKP. Prestasi dijangka terus

merosot jika tempoh PKP dilanjutkan.





JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA

Impak Covid-19 di Johor

Perkhidmatan Kolej dan Universiti (Swasta)

Prestasi hasil syarikat **menurun 25%** pada suku pertama tahun 2020 dan **akan terus merosot kepada 38%** akibat penanjutan tempoh PKP. Kebanyakan pendapatan adalah bergantung kepada bilangan pelajar yang berdaftar. Bayaran gaji ke atas pekerja di syarikat adalah seperti biasa dalam tempoh PKP ini.



Perkhidmatan Pengangkutan Bas sekolah

Hasil syarikat dijangka **menurun 30%** pada suku pertama tahun 2020. Penurunan hasil berpunca daripada ibu bapa yang tidak dapat membayar penuh yuran pada bulan Mac 2020.



Perkhidmatan Juru Ukur Tanah

Prestasi syarikat dijangka **menurun 45%** untuk suku pertama tahun 2020 berbanding dengan suku keempat tahun 2019 disebabkan oleh PKP. Hasil syarikat akan terus merosot kerana tempoh PKP telah dipanjangkan dan syarikat tidak beroperasi dalam tempoh tersebut. Namun demikian, gaji pekerja tetap dibayar sepanjang tempoh PKP ini.



Perkhidmatan Perubatan Khas

Prestasi hasil syarikat dijangka **menurun 70%** untuk suku pertama tahun 2020 berbanding suku keempat tahun 2019. Sekiranya PKP dilanjutkan, jangkaan hasil akan terus merosot dan mungkin mengakibatkan syarikat ditutup.



Faktor pelanggan kuarat akan jangkitan Covid-19 berikutan kehadiran pesakit yang mempunyai simptom wabak tersebut mendapatkan rawatan di klinik turut menyumbang kepada kemerosotan bilangan pelanggan.

Perkhidmatan Penyemburan Cat Kereta

Prestasi hasil dijangka **merosot 60%** pada suku pertama tahun 2020 berbanding dengan suku keempat tahun 2019. Pekerja dibayar berdasarkan gaji hari dan diberikan bantuan dalam bentuk kewangan sekiranya tempoh PKP dilanjutkan.




Perkhidmatan Tunda dan Bantuan Tepi Jalan

Syarikat menjangkakan prestasi hasil akan **menurun 15%** pada suku pertama tahun 2020 berbanding pada suku keempat tahun 2019. Pekerja yang tidak terlibat dengan lapangan dan masih bekerja di rumah sepanjang tempoh PKP akan dibayar gaji. Manakala pekerja lapangan hanya dibayar gaji sehingga 19 Mac 2020 sahaja kerana gaji mereka berdasarkan komisen perjalanan yang dilakukan. Operasi syarikat diberhentikan dalam tempoh PKP.

Perkhidmatan Pembaikan Kenderaan Bermotor

Pengusaha menjangkakan prestasi **hasil akan menurun 50% - 70%** pada suku pertama tahun 2020 berbanding dengan suku tahun sebelumnya. Hasil dijangka akan terus merosot disebabkan lanjutan tempoh PKP. Pengusaha juga terbeban kerana sewa kedai perlu dibayar walaupun operasi dihentikan. Pengusaha masih berupaya untuk membiayai gaji pekerja dalam tempoh PKP Fasa 1 namun tidak bagi lanjutan tempoh PKP ini.



Perkhidmatan Muatan



50%

Hasil Syarikat

Q1 2020





JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA

Impak Covid-19 di Johor

Pembuatan Pengilangan Beras

Prestasi syarikat dijangka **bertambah 10%** untuk suku pertama tahun 2020 berbanding suku keempat tahun 2019. Prestasi ini dijangkakan akan terus meningkat 20% berikutan arahan pelanjutan PKP. Syarikat masih beroperasi memproses bagi kuantiti yang banyak berikutan permintaan yang tinggi daripada pihak pemborong pada tempoh PKP ini. Gaji pekerja dibayar lebih tinggi daripada biasa, kerana kuantiti permintaan yang tinggi.



Industri Pembuatan - Farmaseutikal

Keuntungan syarikat disasarkan mencapai RM47 juta menjelang suku pertama 2020. Namun, syarikat mengalami **kerugian RM9 juta** sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Kesukaran memperoleh bahan mentah daripada pembekal menyukarkan syarikat beroperasi mengikut sasaran yang ditetapkan.



Pembuatan tekstil



Prestasi hasil beberapa buah syarikat **menurun 20%** untuk suku tahun pertama 2020 berbanding dengan suku tahun yang sama pada tahun 2019. Dijangkakan akan merosot kepada 40% kerana kos bahan mentah berkurangan dan pengeluaran kilang terus diberhentikan.

Pembuatan Minyak Kelapa Sawit



Prestasi hasil syarikat **menurun 15%** untuk suku pertama tahun 2020 berbanding suku keempat tahun 2019. Syarikat masih beroperasi dan hasil dijangkakan tidak terjejas walaupun tempoh PKP dilanjutkan. Gaji pekerja dibayar seperti biasa dalam tempoh PKP.

Pembuatan Cat

Anggaran pendapatan suku pertama syarikat adalah RM4.7 juta, dan dianggarkan RM1 juta kerugian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Syarikat menjangkakan 60% penurunan dalam jualan pada suku kedua. Sekiranya PKP dilanjutkan ia akan memberi kesan yang membimbangkan terhadap aliran tunai dan meramalkan bahawa kehilangan perniagaan daripada pelanggan luar negara kepada pesaing.



Pembuatan Perabot

Prestasi hasil syarikat **menurun 45%** untuk suku tahun pertama pada tahun 2020 berbanding suku tahun 2019. Dijangkakan hasil juga akan menurun 35% kerana pengeluaran operasi diberhentikan serta merta pada 18hb Mac 2020.




Pembuatan Percetakan

Syarikat menjangkakan mengalami **kerugian RM1.5 juta** pada suku pertama tahun 2020 disebabkan pelaksanaan PKP. Sekiranya PKP ini diteruskan syarikat hanya dapat bertahan selama dua bulan menggunakan rizab sedia ada untuk menampung kos pekerja dan kos sewa.



Sektor Pembinaan

Prestasi pendapatan syarikat dijangka **menurun 25%** pada suku pertama tahun 2020. Syarikat menjangkakan penurunan pendapatan kepada 48% pada suku tahun berikutnya lanjutan PKP. Pekerja diarahkan mematuhi PKP serta dibayar gaji sepenuhnya.





JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA

Impak Covid-19 di Johor

Restoran Makan

Prestasi hasil restoran **menurun 25%** berbanding suku keempat tahun 2019 disebabkan oleh PKP. Prestasi dijangka terus merosot kepada 30% jika tempoh PKP dilanjutkan.



Perkhidmatan Katering Makanan

Prestasi hasil syarikat dijangka **menurun 60%** untuk suku pertama tahun 2020 berbanding dengan suku keempat tahun 2019 disebabkan oleh PKP. Prestasi dijangka terus merosot jika tempoh PKP dilanjutkan di samping waktu operasi yang singkat bermula jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.



Jualan Barangan Runcit

Hasil jualan suku pertama tahun 2020 **meningkat sehingga 50%** berbanding tahun yang lepas disebabkan *panic buying* oleh orang awam berikutan PKP.

Sementara itu, jualan semasa PKP **merosot sehingga 60%** memandangkan pelanggan berbelanja mengikut keperluan utama sahaja serta bilangan pelanggan yang terhad.



Jualan Runcit Peralatan Telekomunikasi

Hasil jualan syarikat **merosot di antara 60% hingga 70%** kerana tidak dapat beroperasi. Sekiranya PKP dilanjutkan, berkemungkinan kedai akan ditutup kerana tiada pelanggan dan perlu menampung kos sewaan. Gaji pekerja dibayar penuh pada masa ini.




Jualan Borong Minuman

Syarikat menjangkakan hasil pada suku tahun pertama 2020 **menurun 70%** disebabkan aktiviti eksport yang terjejas khususnya ke Negara China. Jika tempoh PKP dilanjutkan sehingga Jun maka syarikat akan mengalami penurunan hasil 90%.

Pemborong Getah



Hasil Syarikat Q1 2020  **30%**

Peruncitan pakaian

Prestasi syarikat dijangka **menurun 50%** pada suku pertama tahun 2020 berbanding dengan suku keempat tahun 2019.

Pembayaran gaji pekerja bergantung kepada kadar prestasi hasil pendapatan syarikat berikutan syarikat perlu membiayai kos tetap seperti sewa kedai. Pihak pengurus kedai sedang berusaha untuk mendapatkan maklum balas daripada kerajaan berkenaan permohonan bantuan kerajaan.



Perkhidmatan Jualan barang kemas

Prestasi syarikat terkesan dan dijangka **merosot 65%** untuk suku pertama tahun 2020 berbanding suku tahun sebelumnya. Syarikat juga menjangkakan penurunan hasil syarikat berlanjutan pada suku kedua disebabkan oleh lanjutan PKP. Peniaga masih perlu membiayai kos perbelanjaan tetap seperti sewa, utiliti dan pembayaran gaji. Namun, masih terdapat kerisauan kepada peniaga akan kelangsungan perniagaan sekiranya PKP ini berlanjutan.





JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA

#DOSMBACA #DUDUKDIRUMAH

The Edge Market, 14 Februari 2020 (Jumaat)

Investor concerns over Covid-19 may affect Johor property market in 1Q BERNAMA

KULAI (Feb 14): The Johor government does not rule out the possibility that the property sector in the state could be impacted following investor concerns of a prolonged Covid-19 outbreak that has spread to several countries, including Malaysia.



<https://www.theedgemarkets.com/article/investor-concerns-over-covid19-may-affect-johor-property-market-1q>

Sinar Harian, 23 Mac 2020 (Isnin)

Covid-19: Johor pendekkan tempoh operasi premis perniagaan

Zulhisham Isahak



JOHOR BAHRU - Kerajaan Johor akan memendekkan tempoh operasi premis perniagaan di seluruh negeri bermula hari ini bertujuan membataskan pergerakan orang ramai dalam menangani risiko penularan wabak koronavirus (Covid-19).

<https://www.sinarharian.com.my/article/75129/EDISI/Johor/Covid-19-Johor-pendekkan-tempoh-operasi-premis-perniagaan>

Harian Metro, 5 April 2020 (Ahad)

Fama Johor sediakan jualan online bantu hasil petani

Omar Ahmad, am@hmetro.com.my

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor memperluaskan jualan barangan basah runcit dan buahan segar secara dalam talian.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/562747/fama-johor-sediakan-jualan-online-bantu-hasil-petani>

New Straits Times, 15 April 2020 (Rabu)

Johor sets up economic reform committee

Rizalman Hammim



ISKANDAR PUTERI: Johor has set up an economic reform committee (SERC) to help stimulate the state's economy after the Covid-19 pandemic ends. Menteri Besar Datuk Hasni Mohammad said the committee will consist of several influential individuals and capable industry players in the economic sector and will be chaired by him.

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/584570/johor-sets-economic-reform-committee>

Harian Metro, 8 Februari 2020 (Sabtu)

Industri pelancongan Johor dijangka terjejas tiga bulan

Omar Ahmad, am@hmetro.com.my

SEKTOR pelancongan Johor dijangka berdepan tempoh sukar dalam masa tiga bulan akibat penularan wabak koronavirus baharu.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/542561/industri-pelancongan-johor-dijangka-terjejas-tiga-bulan>

Berita Harian, 19 Mac 2020 (Khamis)

COVID-19: Terminal Larkin dibersihkan

Mohamed Farid Noh, farid_noh@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Pengurusan Terminal Bas Larkin Sentral sedang melakukan proses pembersihan menyeluruh selepas seorang penumpang yang menaiki bas di situ Isnin lalu, disyaki dijangkiti wabak COVID-19.



<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/666910/covid-19-terminal-larkin-dibersihkan>

The Star, 25 Mac 2020 (Rabu)

Johor announces incentives, stimulus package to cope with Covid-19 outbreak



JOHOR BARU: The Johor government announces 15 new incentives totalling RM17.5mil to help frontline workers and the people of Johor cope with the Covid-19 outbreak.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/25/johor-announces-incentives-stimulus-package-to-cope-with-covid-19-outbreak>

The Star, 1 April 2020 (Rabu)

Enough food supplies for all in Johor John Barry

JOHOR BARU: Johor government has assured enough supply of food during the movement control order (MCO) due to Covid-19 pandemic.



<https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/04/01/enough-food-supplies-for-all-in-johor>

Penafian: Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind

